

Umat Islam tak boleh jadi beban masyarakat

Abdullah yakin Perkampungan Hadhari bina tamadun gemilang

Oleh Fazli Abdullah, Fazallah Pit dan Mohd Anwar Patho Rohman

KEPALA BATAS: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin program Perkampungan Hadhari mampu memberi kefahaman kepada masyarakat bahawa Islam Hadhari adalah praktikal dan realistik untuk membina tamadun gemilang.

Perdana Menteri berkata, berikutan pendekatan Islam Hadhari bukan bersifat ritual, semua lapisan masyarakat boleh berperanan dan mengambil bahagian untuk menghayatinya dalam dimensi sangat luas.

Katanya, selepas tiga tahun pendekatan Islam Hadhari diperkenalkan, pelbagai usaha sudah dilaksanakan bagi meningkatkan kefahaman serta penghayatannya di kalangan masyarakat.

Beliau percaya program Perkampungan Hadhari boleh menjadi satu daripada perantara yang berkesan bagi menyemarakkan pendekatan Islam Hadhari yang membabitkan semua peringkat masyarakat.

"Saya percaya melalui pengisian program seperti pameran warisan dan kemajuan sains, pameran pembangunan 10 prinsip Islam Hadhari, kegiatan ilmuwan dan khidmat komuniti akan memberi kefahaman kepada masyarakat," katanya.


Beliau berkata demikian dalam perutusannya sempena majlis pelancaran, Perkampungan Hadhari 2007 peringkat kebangsaan anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) di Dewan Milenium di sini, mulai semalam dan berakhir Ahad ini.

Pelbagai program diadakan sepanjang tiga hari perkampungan itu berlangsung termasuk pameran, forum perdana, seminar, khidmat komuniti dan program ilmu.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jakim, Datuk Mustafa Abd Rahman, berkata pendekatan Islam Hadhari akan menjadi agenda ummah selaras dengan tuntutan Islam melalui pendekatan seimbang.

Katanya, ia membantu melahirkan individu yang mempunyai kekuatan rohani, akhlak, intelektual, berdikari, inovatif dan mampu mengharungi cabaran semasa.

Terdahulu, ketika berucap merasmikan Masjid Terapung Tanjung Bunga di Georgetown, Abdullah berkata, Umat Islam yang menjadi lambang kepada kesucian agama, mesti menjadi aset kepada masyarakat dan negara, bukannya liabiliti.



TERANG HATI: Abdullah mendengar bacaan ayat suci al-Quran oleh Faiq Adnan, 17, yang cacat penglihatan dari Sekolah Menengah Kebangsaan Alma, ketika melawat gerai pameran selepas majlis pelancaran Perkampungan Hadhari 2007 di Dewan Milenium, Kepala Batas, semalam.

Justeru, Perdana Menteri mahu orang Islam mempunyai ciri yang membolehkannya menjadi umat yang maju dan berjaya serta kehadirannya amat diperlukan.

Antaranya, umat Islam perlu menjadi insan mulia, penyayang, berbudi pekerti, mengutamakan keamanan dan kesejahteraan dan tidak bermusuhan dengan orang lain, walaupun berbeza agama.

"Masjid yang indah saja tidak cukup untuk menjadikan lambang kesucian Islam, tetapi keperibadian umat Islam itu sendiri. Umat Islam mesti menjadi aset atau kumpulan yang dihormati dan dikehendaki, bukannya liabiliti.

"Kita tidak mahu umat Islam menjadi golongan yang membebankan tetapi menjadi umat yang memberi pertolongan besar kepada masyarakat, terutama apabila keadaan memerlukan," katanya.

Selepas majlis itu, Perdana Menteri turut menunaikan solat Jumaat dan menikmati jamuan makan tengah hari bersama rakyat di masjid berkenaan.

Hadir sama Menteri di Jabatan

Perdana Menteri, Datuk Dr Abdullah Md Zin; Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Abdul Rashid Abdullah serta pemimpin dan ahli Umno Bukit Bendera.

Terdahulu, Perdana Menteri selaku Pengerusi Perhubungan Umno Pulau Pinang mengadakan perjumpaan tertutup dengan Umno Bahagian Bukit Bendera dan diikuti mempengerusikan mesyuarat Umno negeri di sebuah hotel di sini.

Sementara itu, pada majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Pe-

nilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2006 bagi sekolah Parlimen Kepala Batas, semalam, Abdullah berkata, kecemerlangan pelajar Bumiputera, khususnya di luar bandar dalam peperiksaan penting membuktikan mereka mampu menunjukkan prestasi cemerlang jika diberi pengajaran dan pembelajaran bermutu.

Perdana Menteri berkata, kejayaan itu menunjukkan mereka bukan lemah dari segi akademik, tetapi ia sebenarnya berkait rapat dengan mutu pengajaran dan pembelajaran di sekolah tertentu terutama di luar bandar.

Beliau berkata, jika mutu pengajaran dan pembelajaran sekolah di bandar dan luar bandar dapat dipertingkatkan, harapan melihat lebih ramai pelajar mencapai kecemerlangan dapat direalisasikan.

"Kita dapat lihat, lebih ramai pelajar Bumiputera dapat mencapai keputusan A1, berbanding masa dulu bila peperiksaan diumumkan. Gambar dan nama mereka disiarkan dalam surat khabar, dulu jarang dilihat.

FAKTA NOMBOR

Masjid Terapung Tanjung Bunga

RM15j

Kos pembinaan

1500

Jemaah